

**SYARAT PELANTIKAN PESERTA
JOB ON CAMPUS (JoC) UNIVERSITI MALAYA**

1. Pelantikan

Saudara/saudari hendaklah berkhidmat dengan jabatan yang ditetapkan.

2. Tempoh Perkhidmatan

- 2.1 Perkhidmatan saudara/saudari adalah kontrak dan berkuatkuasa mulai dari tarikh yang ditetapkan.
- 2.2 Jam bekerja maksimum adalah tidak melebihi 15 jam seminggu (bagi pelantikan separuh masa) dan 30 jam seminggu (bagi pelantikan sepenuh masa).
- 2.3 Pelantikan dibuat mengikut jadual semester. Jadual semester dan jumlah jam kerja dibenarkan adalah seperti berikut:

Bil.	Semester	Jenis Pelantikan	Jam Kerja
1.	Semester 1	Separuh masa	3 jam sehari (15 jam seminggu)
2.	Ulangkaji /Peperiksaan	Tidak dibenarkan bekerja	–
3.	Cuti antara semester	Separuh masa	3 jam sehari (15 jam seminggu)
		Sepenuh masa	6 jam sehari (30 jam seminggu)
4.	Semester II	Separuh masa	3 jam sehari (15 jam seminggu)
5.	Ulangkaji / Peperiksaan	Tidak dibenarkan bekerja	–
6.	Semester Khas	Separuh masa	3 jam sehari (15 jam seminggu)
		Sepenuh masa	6 jam sehari (30 jam seminggu)

3. Latihan

Saudara/saudari sekiranya didapati perlu, boleh diberi latihan sebelum melaksanakan tugas yang ditetapkan.

4. Pegawai Penyelia

- 4.1 Ketua Jabatan akan melantik seorang atau lebih pegawai (selepas disebutkan "Pegawai Penyelia") di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi tujuan penyeliaan dan pengawasan pelaksanaan tugas saudara/saudari.
- 4.2 Pegawai Penyelia mempunyai hak pada bila-bila masa untuk memeriksa, menyelia, meneliti dan memberi arahan yang perlu mengenai perkhidmatan yang dijalankan oleh saudara/saudari.
- 4.3 Saudara/saudari hendaklah mematuhi semua syarat dan peraturan yang diarah dan ditetapkan oleh Pegawai Penyelia mengenai pelaksanaan tugas saudara/saudari kecuali dibenarkan oleh Pegawai Penyelia untuk melaksanakan tugas lain.

5. Bantuan Pelajar

- 5.1 Bayaran bantuan pelajar akan dibuat oleh PTJ dengan menggunakan peruntukan PTJ mengikut jam perkhidmatan sebulan sekali sekiranya Pegawai Penyelia mengesahkan saudara/saudari telah menyempurnakan tugas sebagaimana yang ditetapkan dengan memuaskan.
- 5.2 Bantuan pelajar tidak akan dibayar bagi tempoh perkhidmatan yang kurang dari satu (1) jam.

6. Tanggungan

Saudara/saudari hendaklah dalam tempoh program:-

- (a) Menjalankan kewajipan tugas yang ditetapkan dan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan;
- (b) Menumpukan segala masa dan perhatian kepada tugas dan berusaha sedaya upaya untuk menjaga kepentingan Jabatan/Universiti.
- (c) Menurut dan menjalankan perintah-perintah dan arahan-arahan yang diberikan;
- (d) Mematuhi peraturan bekerja pejabat Universiti Malaya; dan
- (e) Tidak boleh membocorkan apa-apa maklumat berkenaan hal ehwal Universiti/Jabatan kepada sesiapa jua.

7. Bukan Penjawat Universiti

Saudara/saudari yang dilantik sebagai Peserta Job On Campus BUKAN merupakan seorang pegawai Universiti.

8. Rahsia Rasmi

- 8.1 Saudara/saudari hendaklah mematuhi dan menandatangani perakuan berkenaan kerahsiaan.
- 8.2 Saudara/saudari adalah dilarang sama sekali dan pada setiap masa melibatkan diri dengan akses kepada apa-apa maklumat terperingkat yang tidak ada kaitan dengan pelaksanaan tugas.

9. Syarat-Syarat Lain

Saudara/saudari tidak layak:-

- (a) Mendapat cuti di sepanjang tempoh
- (b) Mendapat apa-apa elaun, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang diberikan kepada seseorang pegawai universiti, selain daripada yang dinyatakan dalam surat tawaran ini.
- (c) Menggunakan program ini sebagai asas untuk menyokong permohonan supaya dilantik sepenuh masa dan secara tetap, sementara atau kontrak; dan
- (d) Memohon supaya diberi tugas baru selain dari apa yang ditetapkan dalam surat tawaran ini.

10. Penamatan Perkhidmatan

- 10.1 Universiti/Jabatan boleh menamatkan pelantikan saudara/saudari atas sebab-sebab berikut:-
- (a) Saudara/saudari didapati melibatkan diri dan akses kepada maklumat terperingkat dan disyaki membocorkan rahsia;
 - (b) Saudara/saudari gagal hadir bertugas tanpa alasan yang munasabah pada masa dan tempat yang telah ditetapkan;
 - (c) Satu perintah kebangkrapan telah dibuat terhadap saudara/saudari; dan
 - (d) Kegagalan mematuhi sebarang syarat dalam surat tawaran ini atau mana-mana peraturan atau arahan-arahan yang dikeluarkan.
- 10.2 Notis
- (a) Notis tidak akan diberi dan penamatan adalah dengan serta-merta sekiranya saudara/saudari ditamatkan mengikut syarat 10.1; dan
 - (b) Walau apa pun peruntukan lain di dalam syarat ini, kecuali perenggan 10.2 (a) di atas, Universiti/Jabatan boleh menamatkan perkhidmatan saudara/saudari pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis untuk tempoh tujuh (7) hari.
- 10.3 Sekiranya Universiti/Jabatan menamatkan pelantikan saudara/saudari, maka:-
- (a) Bantuan pelajar untuk kerja berdasarkan jam bagi setiap genap satu (1) jam kerja yang telah disempurnakan dengan memuaskan akan dibayar; dan
 - (b) Kesemua bantuan pelajar yang belum dibayar (jika ada) perlu dituntut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perkhidmatan saudara/saudari ditamatkan. Apa-apa tuntutan yang dibuat selepas tarikh tersebut tidak akan dibayar.

11. Penamatan Peserta JoC

Saudara/saudari boleh pada bila-bila masa berhenti dari perkhidmatan dengan memberi notis secara bertulis selama tempoh tujuh (7) hari.

12. Pematuhan Undang-Undang

Saudara/saudari hendaklah mematuhi segala Perlembagaan, Statut, Akta-akta dan Peraturan-peraturan Universiti yang berkuat kuasa bermula pada tarikh saudara/saudari menerima tawaran pelantikan ini dan kepada apa-apa tambahan, perubahan atau pindaan sebagaimana yang dibuat ke atas dokumen-dokumen tersebut dari semasa ke semasa.